

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Kedua**

**Sidang Akademik 1998/99**

**Februari 1999**

**HIS 315 - Mu'amalat: Konsep dan Penghayatan**

**Masa: [3 jam]**

---

**KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LIMA [5] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.**

Jawab **TIGA** [3] soalan sahaja berdasarkan kepada pemilihan **SATU** [1] soalan daripada setiap Bahagian A **dan** B dan **SATU** [1] soalan lagi dipilih daripada: sama ada bahagian A atau B.

**SEMUA** soalan membawa markah yang sama.

**Bahagian A**

1. Huraikan teori-teori ‘haq’ menurut pengertian ‘bahasa’ dan ‘istilah’ berserta contoh-contohnya sekali.
2. ‘Ali al-Khafif dan Mustafa al-Zarqa’ memberi definisi ‘haq’ yang berbeza. Nyatakan pandangan mereka tentang definisi tersebut. Kemudian jelaskan hujah-hujah ulama<sup>c</sup> yang mengatakan bahawa takrif ‘haq’ menurut Mustafa al-Zarqa’ merupakan takrif yang terbaik.
3. Nyatakan rukun-rukun ‘haq’ dan pembahagian jenis ‘haq’. Kemudian huraikan perbezaan tentang ‘hukum-hukum haq Allah’ dan ‘hukum-hukum haq manusia’ berserta contoh-contohnya sekali.

**Bahagian B**

4. Bincangkan ‘jual beli’ menurut mu‘amalat Islam.
5. Nyatakan perbezaan hukum ‘aqad yang dilakukan oleh orang murtad dari Islam menurut pandangan Abu Hanifah dan Muhammad Ibn al-Hasan al-Syibani. Kemudian jawab soalan-soalan berikutnya dengan memberiuraian hukum bagi tiap-tiap satunya.
  - (a) Ahmad memaksa Maimunah menjualkan tanahnya kepadanya.
  - (b) Sebaik saja ijab qabul selesai dilakukan ke atas barang yang Nawwal beli itu, ia terus bertukar fikiran untuk menarik balik aqad yang dibuat.
  - (c) Pak Ali menghibah sekeping ladang kelapa sawit kepada anaknya Adam. Setelah 15 tahun Adam mengusahakan ladang tersebut dan memungut hasilnya, kemudian bapanya membatalkan aqad hibah yang dibuat dan ia mahu mengambil semula ladang tersebut.

- oooOOOooo -